

Food Bank Siswa diperluaskan

Melibatkan 123 IPT pada tahun depan dengan peruntukan sebanyak RM25 juta

BACHOK

Program Food Bank Siswa Malaysia akan diperluaskan kepada 123 institusi pengajian tinggi (IPT) merangkumi politeknik, institut pendidikan guru (IPG) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) pada tahun depan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, kementeriannya memperuntukkan seba-

nyak RM25 juta bagi tujuan tersebut.

"Pada tahun ini sebanyak 22 universiti awam telah mendapat manfaat daripada program berkenaan dan ia melebihi sasaran awal sebanyak 20 universiti awam yang ditetapkan.

"Pada tahun ini juga, sebanyak 6,700 penerima telah mendapat manfaat daripada program tersebut," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Siri Syarahan Kementerian dan Majlis Perasmian Food Bank Siswa Universiti Malaysia Kelantan (UMIK) Kampus Bachok di sini semalam.

Beliau berkata, program tahun depan juga akan diperkembangkan dari segi logistik dengan menyediakan satu pusat pengedaran, kemudahan lori

untuk menghantar barangan yang diberikan oleh rakan strategik penyumbang dan peti sejuk untuk menyimpan makanan.

Menurutnya, setakat ini terdapat sebanyak 430 rakan strategik penyumbang daripada pelbagai syarikat telah menyertai program berkenaan dan angka itu dijangka terus bertambah walaupun tidak mendapat sebarang insentif daripada kerajaan buat masa ini.

Namun, katanya, kerajaan akan mengadakan perbincangan dengan pemegang kepentingan dalam program itu untuk pemberian insentif yang difikirkan sesuai.

"Barangkali dalam aspek di bawah kawal selia kami, kami boleh janjikan satu proses, misalnya jika mereka berurusan dengan



Saifuddin Nasution menyampaikan sumbangan makanan kepada penuntut UMK, Nurul Jannah Hassan sempena Program Ministerial Talk Series dan Majlis Perasmian Food Bank Siswa UMK di Bachok semalam.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang memenuhi garis peraturan, kita akan pastikan satu sistem

penyampaian yang lebih pantas. Itu sangat membantu mereka.

"Program ini tidak melibatkan kos yang besar tapi

berimpak tinggi terutama untuk membantu mahasiswa daripada golongan berpendapatan rendah," katanya. - Bernama